

# Zaidatul tekad raih emas 100 dan 200m

**Kuala Lumpur:** Atlet olahraga kebangsaan, Zaidatul Husniah Zulkifli, 22, mengintai peluang untuk meraih pingat emas pada Kejohanan Olahraga Terbuka Malaysia di Stadium Nasional Bukit Jalil dari 27 hingga 29 Mac ini.

Dia yang mewakili Pulau Pinang juga ingin melakukan pecutan lebih pantas serta merakamkan masa lebih baik sebagai persiapan untuk temasya Sukan SEA Singapura 2015, Jun ini.

“Untuk Terbuka Malaysia saya sertai acara 100 dan 200 meter (m), sudah tentu saya mahukan pingat emas dan mencatat masa lebih baik.

“Ini sedikit sebanyak akan membantu saya meningkatkan keyakinan untuk temasya lebih besar terutama Sukan SEA Singapura,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

## Medan terakhir

Seramai 400 atlet dari tujuh negara termasuk Malaysia akan menyertai kejohanan yang menjadi medan terakhir untuk atlet negara memburu tiket kelayakan ke Sukan SEA Singapura.

Selain Malaysia, atlet luar negara adalah dari Thailand, Indonesia, Timor Leste, Syria, Finland dan Kazakhstan.

“

*Untuk Terbuka Malaysia saya sertai acara 100 dan 200 meter (m), sudah tentu saya mahukan pingat emas dan mencatat masa lebih baik”*

**Zaidatul Husniah Zulkifli,**

*Atlet olahraga kebangsaan*

Dalam perkembangan sama, penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM) itu juga dalam persiapan bertanding untuk dua acara iaitu 100 dan 200m di Sukan SEA.

“Ini kali kedua temasya seumpama ini, tetapi bertanding buat pertama kali untuk 100m. Jadi saya akan cuba dapatkan pingat untuk negara,” katanya yang mencatatkan catatan terbaik 11.62s di Sukan Universiti ASEAN ke-17 (AUG), Palembang, tahun lalu.

**Oleh Mohd Khairie Khalid**